


“Nama saya Rozaline dan kini saya sedang mengikuti kursus diploma Kejururawatan di Kolej Universiti Kesihatan dan Sains Masterskill. Banyak perkara penting yang telah saya pelajari sejak menerima biasiswa **Honda Dreams Fund**. Salah satu daripadanya ialah supaya tidak berputus asa dalam menghadapi apa jua cabaran. Kesabaran dan ketabahan adalah penting untuk seseorang itu merealisasikan impiannya. Dalam usaha mencapai impian, kita harus gigih berusaha dan sentiasa bersemangat untuk memastikan impian kita menjadi satu realiti.”

“ Kita Perlu Tabah
Untuk Merealisasikan
Impian!”



Rozaline Jude
Diploma Kejururawatan
Penerima Biasiswa HDF Tahun 2008

Semuanya bermula dengan Encik **Soichiro Honda** dan impiannya. Impian beliau inilah yang telah menjadikan Honda seperti hari ini; sebuah syarikat yang mengeluarkan motosikal, kereta, jet, kereta lumba dan robot seperti manusia (Humanoid) yang pertama – ASIMO. Dalam usaha untuk memenuhi tanggungjawab sosialnya dan dikenali sebagai sebuah syarikat yang masyarakat inginkan kewujudannya, Honda sentiasa aktif dalam menyertai pelbagai program bantuan. Di bawah **Inisiatif Kedermawanan Global Honda**, syarikat ini telah menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat melalui pelbagai projek persekitaran, kemasyarakatan, kemanusiaan dan pendidikan.



HDF Tahun 2010.

Langkah Pertama Anda Ke Arah Biasiswa 'Honda Dreams Fund'. Mohonlah sekarang!

Nama Penuh : _____

No K/P: _____ Jantina: Lelaki / Perempuan

Alamat: _____

Tel: _____ Emel: _____

Pendapatan Isi Rumah (RM): _____ Status Perkahwinan: _____

Pekerjaan Ibubapa: (Ayah) _____

(Ibu) _____

Sila lengkapkan esei di bawah dalam kertas A4 dengan tidak melebihi 500 patah perkataan:
"Honda Dreams Fund adalah peluang yang saya nanti-nantikan untuk merealisasikan impian saya. Sejak kecil, saya sentiasa bercita-cita untuk menjadi..."

Sila lampirkan salinan fotostat dokumen-dokumen berikut:

- ✓ Kad Pengenalan
- ✓ Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan/atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang disahkan.
- ✓ Sijil berhenti sekolah (jika ada)
- ✓ Kelayakan lain (jika ada)
- ✓ Surat perakuan/penyokong (dari sekolah/NGO/Rumah Amal)
- ✓ Borang EA/Borang J atau mana-mana borang yang mengesahkan pendapatan (jika ada)

Sila hantarkan borang permohonan yang telah dilengkapi, esei anda dan semua dokumen yang berkenaan ke:

Honda Dreams Fund
Projek "Pembangunan Sumber Manusia melalui Pendidikan Dan Latihan untuk Remaja Malaysia"
P.O. Box 12544
50782 Kuala Lumpur, Malaysia
ATAU
hdfessay@undp.my

Permohonan mesti diterima oleh kami tidak lewat daripada 31 Mac 2011. Borang permohonan salinan fotostat adalah diterima.

Tertakluk kepada terma dan syarat. Hanya calon-calon yang berjaya akan dihubungi dan semua keputusan adalah muktamad. Sila layari www.honda.com.my/hdf untuk maklumat lanjut.

Projek komuniti diterajui Honda:



DARE TO DREAM